

SULIT
1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
September
2011

1103/1



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B.***
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*




Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **punca-punca** berlakunya jerebu di negara ini. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

MASALAH JEREBU**Pembakaran Hutan Secara Terbuka****Pelepasan Asap Kenderaan****Asap dari Kilang**

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

- 1** Belakangan ini, isu kenakalan remaja hangat diperkatakan dan membawa petanda yang tidak baik kepada generasi akan datang.

Huraikan peranan anda sebagai seorang remaja dalam membentuk sahsiah diri yang terpuji.

- 2** Anda mengambil bahagian dalam pertandingan syarahan peringkat sekolah. Tajuk syarahan anda ialah ‘Keluarga Bahagia Tonggak Kemajuan Negara’.

Sediakan teks syarahan itu selengkapnya.

- 3** Sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya yang berlainan, perpaduan amat penting dalam mencapai matlamat pembangunan negara.

Sarankan langkah-langkah mengekalkan perpaduan dan kepentingan perpaduan kepada negara.

- 4** Gempa bumi, kemarau panjang, dan banjir besar yang melanda beberapa buah negara di dunia telah menyebabkan kesengsaraan dan kemusnahan harta benda.

Bincangkan pelbagai bentuk bantuan yang boleh dihulurkan oleh masyarakat antarabangsa kepada negara yang terlibat.

- 5** Puisi tradisional seperti pantun, gurindam dan syair merupakan warisan yang perlu dipelihara.

Berikan pendapat anda tentang keistimewaan-keistimewaan puisi tradisional.

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT
1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
September
2011
2½ jam

1103/2



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawab bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d), dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian tulis satu rumusan tentang **kepentingan mempelajari subjek Sejarah dan cara-cara menyuburkan minat pelajar terhadap subjek tersebut. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.***

Dalam negara yang pesat membangun seperti Malaysia, bukan sahaja aspek pencapaian fizikal yang menjadi ukuran, malah pembangunan modal insan dilihat sebagai elemen paling penting dalam *menentukan jatuh bangun* tamadun sesuatu bangsa. Remaja hari ini perlu memikul tanggungjawab yang besar untuk mengekalkan kesejahteraan bangsa dan kemakmuran negara yang telah diasaskan oleh generasi terdahulu.

Dalam konteks ini, subjek Sejarah disandarkan harapan agar dapat menyemai semangat patriotisme yang jitu dalam kalangan generasi muda. Di samping itu, subjek ini mampu memangkinakan perasaan dan tindakan semua warga untuk mempertahankan negara. Malahan, subjek Sejarah merupakan pendekatan terbaik untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan generasi muda. Peristiwa dan fakta yang dipelajari dalam subjek Sejarah seperti perjuangan menuntut kemerdekaan sekiranya dihayati boleh menjana pemikiran yang rasional dan matang antara kaum di negara kita. Era globalisasi yang melanda seluruh dunia pula telah menjadikan masyarakat kita terutamanya anak muda mudah terdedah dengan pembaharuan budaya berteraskan Barat. Perkara ini secara tidak langsung akan melunturkan semangat kenegaraan.

Pembelajaran melalui subjek Sejarah mewujudkan rasa kebersamaan dalam kalangan ahli keluarga. Selain itu, subjek ini mencetuskan semangat untuk mengetahui sejarah bangsa, masyarakat dan negara. Dalam kehidupan masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum, menjadi tanggungjawab setiap warga negaranya untuk memahami kebudayaan setiap kaum. Jelaslah bahawa subjek Sejarah melahirkan sikap toleransi dalam diri rakyat negara ini. Subjek Sejarah sebenarnya merangsang semangat ingin tahu dalam diri pelajar. Kaedah inkuiri ini menjadikan mereka memiliki nilai intelek iaitu nilai yang membina pemikiran kritis dan objektif pelajar. Subjek ini juga berperanan mendidik aspek kemasyarakatan seseorang seperti rasa keinsafan dan mengajak pengkajinya mengambil iktibar demi masa depan.

Namun begitu, subjek Sejarah sering dikesampingkan oleh pemahaman sempit pelajar tentang kepentingannya. Pelajar memberi anggapan bahawa kerjaya yang berkait dengan sejarah tidak menjamin masa depan mereka. Pelajar juga merasakan bahawa mereka dipaksa membaca dan mengingati banyak fakta yang berulang-ulang sejak tingkatan satu hinggalah ke tingkatan lima. Kaedah pengajaran yang tidak berkesan dan membosankan juga merupakan salah satu punca subjek ini tidak diminati. Perkara-perkara sebegini perlu diberi

perhatian serius. Maka, wajarlah subjek Sejarah terus dimartabatkan bagi membina negara bangsa Malaysia yang kuat dan berdaya saing di peringkat global.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Sejarah Perlu Dipelajari?'
oleh Abdul Ghani Abu,
Dewan Siswa, Januari 2009)

Soalan 2 : Pemahaman

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Apakah maksud rangkai kata *menentukan jatuh bangun*? [2 markah]

(ii) Penulis menyatakan beberapa sebab subjek Sejarah sering diabaikan.

Nyatakan sebab-sebab tersebut. [3 markah]

(iii) Subjek Sejarah penting dalam Kurikulum Pendidikan Kebangsaan. Pada pendapat anda, apakah kesan-kesannya sekiranya subjek Sejarah tidak dipentingkan?

Berikan **tiga** kesan. [4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Tetapi dia mempunyai fikiran lain. Kalau bukan dia yang memberikan khidmat kepada ibu pertiwinya, maka siapa lagi orang lain?

Syahid tidak tahu. Biarlah. Biarlah dia lupakan dulu angan-angannya mahu menjadi seorang kekasih yang baik, isteri yang taat. Lima atau enam tahun lagi, andai kata mereka akan bertemu semula dan kalau ada jodoh. Dia tahu Syahid yang kakak itu akan mudah diapit oleh orang perempuan yang cantik, satu di sebelah kiri dan satu lagi di sebelah kanan. Dua puluh tahun lagi dia tentu sudah bercucu. Mungkin telah memandu sebuah motokar mewah yang diimport dan menjadi pengarah yang terkenal. Mungkin dia tidak kenal lagi dengan Mellisa yang memandu motokar tua, ekzosnya menyembur keluar asap kotor.

Dia sayang kepada negara ini, bangsa ini. Walaupun dia lahir di luar negara tetapi dia warganegaranya. Dia besar dan bersekolah di sini. Baginya, dia tidak akan dapat hidup di negara lain biar bagaimana mewah dan maju sekalipun. Dia tidak akan dapat hidup di negeri China, walaupun dia berbangsa Cina, berkebudayaan Cina dan leluhurnya dahulu berasal dari Guangdong. Iklim di sana berbeza. Cara hidup di sana berbeza. Cara berfikirnya berbeza.

Sebelum dia mati, dia hanya ingin melihat negara dan rakyat negara ini hidup dalam aman dan damai. Semua suku kaum hidup dalam harmoni sebagai satu bangsa yang merdeka dan berjaya. Peristiwa hitam 13 Mei itu tidak berulang lagi. Dia lalu memeluk dengan erat kekasihnya yang sejati, M16.

(Dipetik daripada cerpen
'Mellisa' oleh Abdullah Hussain dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan perkara-perkara yang diinginkan oleh Mellisa. [2 markah]
- (ii) Pada pandangan anda, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk menarik minat remaja menyertai pasukan keselamatan negara? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** perwatakan Mellisa yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** perwatakan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka Tuan Bujang bermohonlah kepada Sultan Palembang hendak mudik. Maka dilepaskan baginda Sultan Palembang dengan kasih sayangnya, dibekalkan dengan pakaian keemasan dan keris kebesaran. Maka Tuan Bujang mudik ke Rawas. Maka Tuan Bujang berbini dengan anak Dipati Batu Kucing. Dan tiada berapa lamanya Tuan Bujang duduk di Rawas itu, maka beranak seorang laki-laki, dinamakan Raja Alam.

Maka Tuan Bujang pergi ke Jambi, mendapatkan Sultan Maharaja di Batu, bersama-sama akan sultan berkelahi, *berebut kebesaran* dengan sultan di Kedah. Maka berperanglah. Tuan Bujang masuk perang, lalu luka paha, kena peluru setinggi, paha kiri. Sultan Maharaja di Batu menang perangnya.

Maka Tuan Bujang pun naik ke Minangkabau, lalu ke Pagaruyung. Maka Tuan Bujang menghadap baginda. Maka terkejut ia melihat Tuan Bujang, lalu baginda bertitah, “Mengapa engkau lama di lahut?” Maka sembah Tuan Bujang, “Patik menengok cupak gantang orang.” Maka baginda pun tersenyum, “Akan sekarang ini, apakah kehendak engkau?” Sembah Tuan Bujang, “Lebih-lebih maklum duli tuanku sahaja, mana titah.” Maka kata Puteri Jilan, “Kutahu kehendak engkau. Baiklah engkau turun ke lahut, ke Siak. Ambil olehmu Negeri Johor. Tuntut kematian ayahandamu.”

(Dipetik daripada
‘Hikayat Siak’
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *berebut kebesaran*? [2 markah]
- (ii) Nyatakan peristiwa yang berlaku sebelum Tuan Bujang mudik ke Rawas. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, wajarkah Tuan Bujang menuntut bela atas kematian ayahandanya? [3 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Di Bawah Langit Yang Sama

- 1 Di bawah langit yang sama
Kita hirupi udara
Tanpa mengira Beirutmu
Ataupun Kuala Lumpurku
Kita menghirup udara
Di bawah langit yang sama.
- 2 Aku suka gerimis di Kota London
Pernah terpesona angin dingin - tajam di Washington
Pohon-pohon hijau atau aneka warna
tiada bezanya.
Siapa pun menghuni Australia penghuni Afrika
Kerana di bawah langit ini
Kita sama.
- 3 Aku ingin menyeberangi Laut China Selatan
Layari Lautan Teduh rentasi Laluan Sutera
Berkongsi siang miliki malam
Anyam cinta pelantikan zaman
Tiupkan harapan senada
Sesama kita-warga dunia
Di bawah langitnya
Yang sama.
- 4 Peta-peta itu yang memisahkan
Jangan tutup pos sempadan
Visa hanya keperluan rasmi seketika
Pasport dokumen pengenalan titik mula
Kita dakapi mimpi tak berbeza
gapai hasrat
Lebur kebencian kuburkan sejarah hitam
Di bawah langit ini yang
Sama.

Lim Swee Tin

Antologi *Dirgahayu Bahasaku*
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan hasrat penyajak dalam rangkap ketiga sajak tersebut. [2 *markah*]
- (ii) Penyajak menyeru supaya manusia mengamalkan konsep kesamarataan hidup tanpa membezakan warna kulit dan fahaman.
- Apakah faedah-faedah sekiranya kita mengamalkan konsep hidup di atas?
[3 *markah*]
- (iii) Jelaskan **dua** nilai yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 *markah*]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) *Tulis satu ayat bagi tiap-tiap kata di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) reda - redah
- (ii) paras - parau
- (iii) kerat - kelat

[6 markah]

- (b) *Kenal pasti jenis ayat-ayat pasif di bawah. Tentukan sama ada ayat-ayat tersebut ialah ayat pasif dengan ganti nama diri pertama, ayat pasif dengan ganti nama diri kedua, ayat pasif dengan ganti nama diri ketiga atau ayat pasif songsang.*

- (i) Makanan itu belum aku rasai lagi sejak pagi tadi.
- (ii) Hutang itu perlu kaujelaskan selewat-lewatnya esok.
- (iii) Bahagian tepi bangunan kedai itu dicat oleh Pak Samad.
- (iv) Saya tendang bola itu sekuat hati sehingga luar pagar sekolah.
- (v) Ladang tebu itu telah dibersihkan oleh mereka pagi semalam.
- (vi) Perkara tersebut belum awak putuskan sehingga hari ini.

[6 markah]

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Satu pamiran barang-barang antik telah berada di pusat kraf tangan bermula semalam.
- (ii) Kita mestilah mempertahankan martabat bahasa Melayu sebagai lambang jatidiri bangsa daripada dicemari oleh bahasa asing.
- (iii) Pengarah syarikat itu telah melantik seorang juru ukur untuk menyukat perluasan tanah terbiar.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Tidak kira sama ada di kota atau desa, semua manusia adalah sama di samping Tuhan.
- (ii) Kejayaan pelakon itu yang dimasyhurkan sebagai pelakon wanita terbaik telah disambut gembira daripada peminatnya.
- (iii) Persembahan teater yang mengisahkan tentang kehidupan Tun Dr.Mahathir telah berjaya menarik penggiat-penggiat teater seluruh Malaysia menontonnya.

[6 markah]

(e) *Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian kemukakan **tiga peribahasa yang sesuai** berdasarkan situasi tersebut.*

Walaupun Shahida dan Shahira adik-beradik kembar tetapi kedua-duanya mempunyai minat dan perwatakan yang sangat berbeza. Mereka sentiasa berselisih faham dan sering bertengkar dalam menegakkan pendirian masing-masing. Ibu mereka selalu memberi nasihat agar mereka bertolak ansur antara satu sama lain namun tidak dihiraukan. Perselisihan yang berlarutan itu berakhir apabila mereka mula insaf dan bermaafan-maafan.

[6 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (ii) PAPA... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah
- (iv) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (v) Interlok karya Abdullah Hussain
- (vi) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (vii) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (viii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah

(a) Huraikan **dua** persoalan berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda kaji.

[7 markah]

(b) Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda pelajari, jelaskan **dua** peristiwa yang menunjukkan nilai bertanggungjawab.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT